



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

MISI KHAS PERNIAGAAN FRANCAIS MALAYSIA DI MANILA, FILIPINA SASAR RM15 JUTA POTENSI PELABURAN

Putrajaya, 24 Jun – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyasarkan potensi pelaburan bernilai RM15 juta sempena Misi Khas Perniagaan (SBM) Francais Malaysia di Manila, Filipina. Misi ini merupakan kolaborasi KUSKOP bersama Pejabat Kedutaan Malaysia di Manila, Filipina melalui Kementerian Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang berlangsung pada 23 hingga 26 Jun di Dusit Thani Hotel, Manila, Filipina.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Delegasi KUSKOP iaitu Encik Chek Zainuddin Chek Jusoh, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, KUSKOP pada hari ini. Misi perdagangan ini turut disertai wakil daripada Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan lima syarikat francais Malaysia yang mempamerkan perkhidmatan dan produk iaitu UCMAS, IrisPro, Q-dees, Muzart dan D'Tandoor.

SBM Francais ini kali pertama diadakan di Filipina dan merupakan misi kedua bagi tahun 2024 di bawah *Enhanced Franchise Development Program* (EFDP) selepas misi pertama berjaya dilaksanakan di Jakarta, Indonesia pada 9 hingga 12 Jun 2024 yang lalu. SBM bertujuan mempromosikan jenama francais tempatan Malaysia dan seterusnya

menembusi pasaran perniagaan di Filipina menerusi pematerei padanan perniagaan dan mesyuarat perniagaan antara syarikat-syarikat Malaysia bersama pelabur serta usahawan tempatan Filipina.

Kerjasama dua hala ini dijangka memperkukuh pelaburan francais sekali gus memacu inovasi dan pertumbuhan industri ini di dalam dan luar Malaysia. Strategi ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif menyeluruh oleh Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi berteraskan inovasi dan produktiviti selari dengan konsep Malaysia MADANI.

Misi Khas Perniagaan ini turut berjaya menarik penyertaan lebih daripada 100 usahawan tempatan, pihak industri francais di Filipina serta kehadiran wakil dari Philippines Franchise Association (PFA) dan Department of Trade and Industry (DTI), Filipina. Delegasi turut berkesempatan mengadakan lawatan kerja bagi melihat secara lebih dekat beberapa syarikat francais Filipina dan Malaysia yang beroperasi di sana.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

24 JUN 2024